



**TEKS UCAPAN PERASMIAN
PROF. DATUK TS. DR. AHMAD FAUZI BIN ISMAIL
NAIB CANSOLOR UTM**

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM GROWING TALENT
DEVELOPMENT
AHAD, 7 MAC 2021
2.30 PETANG
(SECARA DALAM TALIAN)**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Selamat petang dan Salam Sejahtera

الحمد لله رب العالمين
والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين
وعلى آله وصحبه أجمعين.

Terima kasih PM. Dr. Siti Hamidah binti Setapar sebagai
pengacara majlis

**Yang Berbahagia PM. Dr. Sharifah Hafizah binti Syed
Ariffin**

Menjalankan fungsi sebagai,
Pengarah, UTMLEAD

Pegawai-pegawai Kanan Universiti,

dan,

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian.

1. Bersyukur kita kehadiran Ilahi kerana dengan limpah dan rahmatnya, dapat kita bersama-sama pada hari ini bersempena majlis pembukaan rasmi program Growing Talent Development yang merupakan satu lagi program anjuran pihak universiti bagi menyediakan staf akademik yang lebih berdaya-upaya dan berdaya-saing dalam menghadapi cabaran sebagai ahli akademik di Universiti Teknologi Malaysia.

2. Selaras dengan pelan pembangunan Universiti terutamanya pelan UTM Envision 2025 dan program pembudayaan nilai teras universiti iaitu ISES, UTM telah merancang pelbagai program bagi memastikan kedua program ini dapat dilaksanakan dengan jayanya serta mencapai hasrat yang disasarkan.

3. Disamping menyokong usaha kearah mewujudkan warga akademiknya yang cemerlang dalam bidang pengajaran, penyelidikan, perundingan, penerbitan dan lain-lain, pihak universiti amat menitikberatkan konsep pewujudan staf yang seimbang atau sejahtera dari segi emosi, rohani, intelektual dan jasmaninya. Ini boleh dicapai dengan penerapan secara berterusan nilai teras universiti atau lebih mudah ISES (iaitu Integrity, Synergy, Excellence dan Sustainability) dalam segenap aspek pekerjaan di UTM mahupun apabila telah

kembali kerumah bersama keluarga yang tersayang masing-masing.

4. Saya secara peribadi amat menyokong inisiatif seperti Program Growing Talent Development atau GTD ini, yang dilihat menyokong secara langsung usaha untuk mewujudkan lebih ramai staf UTM yang cemerlang dalam bidang penyelidikan disamping turut cemerlang dalam sahsiah keseluruhan sebagai warga UTM.

5. Besarlah harapan saya agar program ini akan mencapai kejayaan yang diharapkan juga boleh dijadikan sebagai contoh bagi program-program berbentuk pementoran pada masa akan datang.

6. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada unit UTMSHINE dari Pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi atas usaha yang dilakukan ini serta ucapan terima kasih kepada pihak UTMLEAD atas sokongan dan kerjasama yang diberikan bagi memastikan kelancaran program GTD ini.

7. Saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir pada hari ini. Untuk itu, dengan ucapan Bismillahirrahmanirrahim saya dengan ini merasmikan program Growing Talent Development.

Sekian,

وبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ ،
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ.